

Pertukaran pegawai JPJ proses biasa

KUALA LUMPUR 23 Julai – Arahan pertukaran Timbalan Ketua Pengarah Operasi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Yusoff Ayob dan Pengarah Penguatkuasanya, Datuk V. Valluvan Vello berkuatkuasa Jumaat lalu merupakan proses biasa yang berlaku kepada pegawai kerajaan dan tidak seharusnya dijadikan isu.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz Kaprawi berkata, kedua-duanya masih berkhidmat di dalam kerajaan dan pertukaran ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengikut prosedur sebagai seorang pegawai kerajaan.

“Pertukaran ini dibuat oleh JPA dan kementerian menghormati keputusan tersebut. Oleh itu, kita minta supaya tiada sebarang spekulasi dibuat berhubung pertukaran ini,” katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Sebelum ini, terdapat dakwaan pertukaran Yusoff dibuat kerana mencemar nama JPJ menggunakan lorong kecemasan, gagal hadir dan menghantar wakil untuk pertuduhan di mahkamah.

Sementara itu, Valluvan pula dipercayai berkaitan pembabitan tiga anggota Pasukan Tindakan Khas (PTK) yang didakwa menceroboh pejabat ketua pengarah JPJ.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah JPJ, Datuk Nadzri Siron ketika dihubungi memaklumkan pertukaran dua pegawai atasan itu ditukarkan mengikut kehendak JPA.

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA | M/S: 3 | 24 JULAI 2017